

08/09/1997

Pembinaan jambatan mungkin ditangguh

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, jambatan yang dicadangkan untuk menghubungkan Semenanjung Malaysia dan Sumatera mungkin tergendala walaupun ia tidak dianggap sebagai projek besar.

Katanya walaupun kerajaan telah membuat pengumuman mengenai projek itu, ia tentunya mengambil masa yang lama sebelum dilaksanakan.

"Kita perlu mengadakan kajian kemungkinan, membuat rekabentuk, kita perlu membuat pelbagai kerja," katanya pada persidangan berita selepas berakhir Persidangan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra semalam.

Dr Mahathir ditanya sama ada jambatan itu antara beberapa projek lain yang akan ditangguhkan berikutan kejatuhan nilai ringgit.

"Jambatan itu boleh tertangguh, itu tidak menjadi halangan tetapi nampaknya ada orang-orang tertentu membantah pelaksanaannya kerana sebab-sebab yang kita tidak faham.

"Nampaknya mereka tidak suka melihat kita membina jambatan itu," katanya.

(END)